

## Keberkesanan Pelaksanaan Program Berimpak Tinggi Di Kolej Kediaman Melati, Uitm Shah Alam: Tinjauan Awal Atas Program Melati River Rescuer (MRR)

Nurulhuda Adabiah Mustafa, Mohamed Faeiz Alwee, Raja Mohamad Fikri Raja Azman, Eliza Natasha Abdul Latiff, Nuraisyah Chua Abdulla & Suharmi Ismail

### ABSTRAK

Program berimpak tinggi merupakan salah satu inisiatif yang telah cuba diamalkan di kolej-kolej kediaman UiTM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), barisan pengurusan kolej, staf-staf residen kolej (SRK) dan juga barisan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK). Namun, kajian keberkesanan bagi pelaksanaan program berimpak tinggi di kolej kediaman jarang dilakukan. Hal ini merupakan satu kelopongan dalam bidang kajian pembangunan pelajar khususnya di UiTM. Penyelidikan ini amat signifikan dalam konteks kajian literatur. Kertas kerja ini bertujuan menganalisa keberkesanan program berimpak tinggi yang dianjurkan oleh JPK Melati dengan mengambil contoh program kesukarelawanan Melati River Rescuer (MRR) bersama *Friends of Langat River* (FoLR) dan juga penubuhan pasukan Melati Troopers (MLT) seterusnya peluang bekerjasama dalam projek Off River Storage (ORS) Kampung Hang Tuah. Kajian ini berbentuk kajian penerangan secara deskriptif yang berbentuk tinjauan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temubual dan juga kajian kepustakawan. Kajian ini mendapati bahawa program kesukarelawanan akan lebih sempurna seandainya terdapat kesinambungan berterusan melalui tanggungjawab bersama (*collective responsibility*) yang telah terbentuk dengan pelbagai pihak.

**Kata kunci :** Impak tinggi, kolej kediaman, *Friends of Langat River* (FoLR), Melati Troopers (MLT), *collective responsibility*

### PENDAHULUAN

Kertas kerja ini adalah tinjauan awal atas program berimpak tinggi di Kolej Melati, UiTM dengan mengambil contoh Program *Melati River Rescuer* (MRR) bersama *Friends of Langat River* (MRR) dan juga penubuhan pasukan sukarelawan *Melati Troopers* (MLT). Aspek terpenting dalam pelaksanaan program MRR bersama FoLR ialah kolaborasi bersama pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam melestari Sungai Langat sebagai mendahului sungai-sungai lain di Malaysia, khususnya di Lembah Klang. Program ini julung-julung kali diadakan dengan keterlibatan pelajar Kolej Melati dalam bidang kesukarelawanan. Hal ini kerana, inisiatif yang diambil untuk kerjasama ini datangnya daripada perbincangan mengadakan program sukarelawan berimpak tinggi sempena dengan program Anugerah Kolej Cemerlang (AKC)<sup>1</sup> 2017 di antara pengetua, barisan pengurusan kolej, staf residen kolej (SRK)

<sup>1</sup> Anugerah Kolej Cemerlang telah diadakan setiap tahun sejak 1997 hingga kini. Ia merupakan penganugerahan untuk memberi pengiktirafan kepada kolej yang telah menunjukkan komitmen dalam membudayakan kualiti serta kecemerlangan Kolej Kediaman sebagai tempat pembelajaran kedua. Anugerah Kolej

dan juga Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) sesi 2016/2017. Buat kali ke-6 berturut-turut, Kolej Melati telah memenangi AKC pada tahun 2017.<sup>2</sup> Penganugerahan ini turut diraikan dalam satu majlis Kemuncak Hari Inovasi tahun 2018 bagi menyampaikan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) kepada seluruh warga UiTM yang telah memberikan khidmat yang cemerlang. Penulis-penulis berpandangan bahawa anugerah kecemerlangan yang diberikan kepada Kolej Melati adalah hasil keberkesanan program-program berimpak tinggi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Konsep impak tinggi ini dalam aktiviti pembangunan pelajar ini telah diterjemahkan sebagai sesuatu aktiviti di lakukan oleh pelajar kesannya mestilah berjaya meningkatkan sekurang kurang satu dari tiga komponen iaitu meningkatkan keperibadian pelajar (kemahiran insaniah, akhlak/moral, jatidiri kebangsaan, kebolehpasaran), meningkatkan citra universiti, dan meningkatkan aktiviti yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat (kampus/dalam/luar negara).<sup>3</sup> Sebagai seorang pelajar yang berstatus mahasiswa, adalah perlu bagi mereka untuk mempamerkan diri mereka sebagai modal insan yang berupaya merentasi sempadan kebergantungan kepada institusi untuk maju ke hadapan.<sup>4</sup> Oleh kerana itu, mereka perlu sentiasa ada sifat kebergantungan kepada diri sendiri di samping keupayaan untuk menterjemah sifat kesungguhan menuntut ilmu dengan kaedah berinteraksi dengan pelbagai pihak tanpa ada rasa malu yang tidak perlu yang biasanya menghalang seseorang mahasiswa untuk maju ke hadapan.

---

Cemerlang UiTM Malaysia tahun 2017 juga diambil kira untuk pengiktirafan BHEP bagi memberikan insentif di atas daya usaha kolej-kolej kediaman yang telah menunjukkan komitmen yang bersungguh-sungguh dalam menjayakan Pembangunan Pelajar yang holistik. Diakses dari <https://hep1.uitm.edu.my/main/index.php/makluman-terkini/125-anugerah-kolej-cemerlang-2017>. Diakses pada 10/7/2018.

<sup>2</sup> Kolej Melati telah memenangi Wang Tunai – RM 3,500.00 & Sijil : RM 2,000.00 pembiayaan UiTM dan diterima pada Majlis Sambutan Bulan Kualiti UiTM (InQKA) manakala RM 1,500.00 dibiayai oleh HEP.

<sup>3</sup>Anuar Ahmad (2 Jun 2012). *Apakah Maksud Aktiviti Pelajar Berimpak Tinggi?* Diakses dari <http://anuar-ahmad.blogspot.com/2012/06/apakah-maksud-aktiviti-pelajar-berimpak.html> pada 7/7/2018 8.00 p.m.

Penulis dalam kajiannya terhadap program pembangunan pelajar di UKM menerangkan bahawa perlunya program yang berimpak tinggi dilaksanakan dengan penuh penghayatan bagi menambah citra universiti berkenaan. Penulis berpandangan bahawa, secara umumnya aktiviti impak tinggi membawa maksud selepas sesuatu aktiviti di lakukan oleh pelajar kesannya mestilah berjaya meningkatkan sekurang kurang satu dari tiga komponen di bawah. Jika sesuatu aktiviti berjaya meningkatkan ketiga tiga komponen di bawah sekaligus, maka itulah aktiviti paling tinggi impaknya.

a. *Meningkatkan keperibadian pelajar yang bermaksud meningkatkan empat perkara berikut;*

- kemahiran insaniah (komunikasi, kerja sepasukan, membuat keputusan etc)
- akhlak dan moral (kerohanian, amanah, bantu membantu etc)
- jatidiri kebangsaan (Bahasa Melayu, sejarah bangsa, toleransi, perpaduan, memahami interbudaya
- kebolehpasaran (bahasa inggeris, hubungan industri etc)

b. *Meningkatkan Citra UKM*

- mempromosi imej universiti sebagai sebuah universiti berstatus kebangsaan
- kecemerlangan dalam semua bentuk pertandingan dalam dan luar negara
- pembinaan rasa sayang pada UKM dan program alumni.

c. *Meningkatkan aktiviti yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat kampus, masyarakat dalam dan luar negara.*

- Program khidmat masyarakat secara konsisten berdasarkan bidang yang dipelajari di UKM.
- Menggerakkan Kesukarelawanan secara segera bila diperlukan dalam dan luar negara (e.g bencana)

<sup>4</sup> Anuar Ahmad . Menjana Modal Insan Mahasiswa. Rencana. Utusan Online. 19 Mei 2009. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0511&pub=utusan\\_malaysia&sec=rencana&pg=re\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0511&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_02.htm) . Diakses pada 8/7/2018 10.15 malam.

Anuar Ahmad dalam analisa yang dibuat berpandukan kajian di semua institut pengajian tinggi pada tahun 2009 ada menyebut tentang imej kelesuan mahasiswa di universiti yang sering dikaitkan dengan kepimpinan mahasiswa yang lemah, pelaksanaan program dan aktiviti bersifat picisan, tiada peruntukan dan bantuan yang mencukupi, kurang melibatkan kalangan masyarakat, kegiatan yang tidak intelek dan sangat kurang yang bersifat kesukarelawanan atau khidmat masyarakat.<sup>5</sup> Justeru, UiTM telah mengambil langkah proaktif menyediakan ruang yang cukup luas kepada para mahasiswa untuk bergiat aktif secara berimpak tinggi di kolej-kolej kediaman dan juga ruang khusus bagi pelajar '*non-resident*' untuk bergiat aktif. Sikap proaktif yang dimainkan oleh para JPK dalam mengemudi program MRR adalah sesuatu yang luar daripada kebiasaan iaitu JPK memainkan peranan 'bertindak pantas' merebut peluang yang terbuka luas dalam melaksanakan program yang berimpak tinggi dengan penglibatan individu kehormat iaitu YBhg. Dato' Seri Zaini Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada ketika itu.

Hal ini pernah disebutkan oleh Pendeta Za'ba bahawa salah satu sifat utama bangsa Melayu yang beragama Islam adalah sifat bergantung kepada diri sendiri yang telah dihuraikan dengan panjang lebar dalam karangannya 'Perangai bergantung pada diri sendiri'.<sup>6</sup> Sifat bergantung kepada diri sendiri inilah perlu diterapkan dalam jiwa generasi muda melalui program-program yang memberikan mereka ruang untuk melatih diri mereka berhubung dengan pelbagai lapisan masyarakat samada mereka yang berjawatan tinggi mahupun daripada kalangan rakyat biasa seperti mereka. Pembentukan jati diri ini perlu mendapat bimbingan yang berterusan daripada pelbagai pihak selain daripada melihat nilai-nilai Islami yang boleh dicontohi daripada para pemimpin yang mempunyai falsafah hidup yang benar dalam membina sebuah negara yang sejahtera.

Sejajar dengan Wawasan 2020 ke arah pembinaan negara Malaysia yang maju, alam sekitar merupakan aspek yang ditekankan. Penekanan kepada aspek alam sekitar semestinya memberikan 'impak tinggi' dalam konteks penglibatan pelajar-pelajar bersama-sama dengan pihak luar. Inisiatif FoLR ini telah memberi peluang kepada para pelajar untuk berkolaborasi secara langsung dengan KeTTHA dan agensi-agensi lain yang terlibat secara langsung. Para pelajar berpeluang mendekati dan turut sama dengan barisan kepimpinan tertinggi agensi kerajaan dan swasta dalam melestari alam sekitar tanpa ada birokrasi yang biasanya membentuk jurang yang besar di antara kerajaan dan masyarakat awam termasuklah mahasiswa

---

<sup>5</sup> Anuar Ahmad . Menjana Modal Insan Mahasiswa. Rencana. Utusan Online. 19 Mei 2009. Diakses dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0511&pub=utusan\\_malaysia&sec=rencana&pg=re\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0511&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_02.htm) . Diakses pada 8/7/2018 10.15 malam. © Utusan Melayu (M) Bhd. Penulis mencadangkan empat anjakan paradigma bagi memulihkan kelesuan kegiatan mahasiswa di universiti:

'Pertama, kerangka aktiviti kemahasiswaan era ini harus mengambil kira keperluan majikan dan industri dan juga keperluan nilai masyarakat. Kedua, pihak universiti perlu melaksanakan latihan untuk meningkatkan kemahiran tadbir urus kemahasiswaan di kalangan para pegawai JHEP. Para personel JHEP bertanggungjawab untuk membantu pelajar melaksanakan program yang berkualiti. Rata-rata, kebanyakan pegawai JHEP belajar melalui pengalaman mereka semata mata di dalam memahami pengurusan mahasiswa di IPT. Ketiganya, menjadikan aktiviti pelajar sebagai aktiviti wajib kepada para pelajar. Keempat, menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya untuk melaksanakan aktiviti pelajar sama ada melalui peruntukan kerajaan, tajaan industri, korporat ataupun alumni IPT. Adalah tidak benar bahawa AUKU adalah sebab utama yang membawa kepada imej kelesuan mahasiswa sebagaimana yang disuarakan oleh sesetengah pihak di luar kampus.'

<sup>6</sup> Za'aba, Zainal Abidin Ahmad. 2005. Perangai bergantung pada diri sendiri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

di universiti. Impaknya amat besar dalam membentuk keyakinan para pelajar tentang akhlak dan budi serta profesionalisma dalam melaksanakan sesuatu.

Pada permulaan pelaksanaan inisiatif FoLR ini, pihak KeTTHA telah memfokuskan kepada pemuliharaan anak sungai pertama berhampiran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi iaitu di Alur Ilmu. Ini merupakan satu bentuk kerjasama secara *collective responsibility*<sup>7</sup> yang membawa kepada penglibatan pelajar Kolej Melati dengan objektif bekerjasama memulihara alam sekitar tanpa ada jurang dengan pihak-pihak lain yang turut sama menyumbang tenaga, wang, masa dan kepakaran di lokasi tersebut. Justeru, program-program berbentuk kesukarelawanan seperti program MRR bersama FoLR adalah satu permulaan kepada kerjasama-kerjasama yang akan datang bagi kesinambungan usaha melestari alam sekitar khususnya dalam menjaga sumber air negara melalui pemuliharaan sungai-sungai di Malaysia ini. Hal ini juga seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menumpukan kepada aspek ‘beretika dan bermoral, mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin; menghayati pembangunan mampan dan gaya hidup sihat’.<sup>8</sup>

### LATARBELAKANG PROGRAM MELATI RIVER RESCUER (MRR)

Kolej Melati adalah salah satu kolej kediaman yang terdapat di UiTM Shah Alam. Kolej ini mula beroperasi pada 15 November 2002 untuk memberi perkhidmatan kebajikan kepada siswi sama ada daripada segi lahiriah maupun rohaniah. Konsep sebenar kolej kediaman adalah berlandaskan falsafah piagam UiTM dengan tujuan menyediakan kemudahan prasarana yang selesa kepada semua penghuni kolej supaya menjadi pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan aspek kehidupan seharian. Kolej ini menempatkan seramai 3,458 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan fakulti yang berbeza seperti kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan kimia, kejuruteraan elektrik, sains gunaan, fakulti komunikasi dan pengajian media, fakulti sains komputer dan matematik dan fakulti undang-undang.

Kolej Melati juga merupakan satu-satunya kolej kediaman di UiTM Shah Alam yang telah memenangi Anugerah Kolej Cemerlang (AKC) sebanyak enam kali berturut-turut. Antara faktor yang menyumbang kepada kemenangan tersebut ialah kolej ini seringkali mengadakan program yang berimpak tinggi. Salah satu kriteria yang boleh dipenuhi bagi memenuhi syarat impak tinggi adalah penglibatan individu kehormat (VVIP) dalam program yang dianjurkan.<sup>9</sup>

Bagi memenuhi syarat tersebut, para JPK dengan dibantu oleh penasihat-penasihat Program MRR telah meneliti inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh setiap kementerian. Para JPK memutuskan untuk menyahut seruan Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada ketika itu yang secara terbuka berkongsi aspirasi kementerian di

<sup>7</sup> Feinberg, J. (1968). Collective responsibility. *The Journal of Philosophy*, 65(21), 674-688.

<sup>8</sup> Malaysia, K. P. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses dari <http://www.pmjb.edu.my/pmjbv2/images/pdf/Pelan%20Pembangunan%20Pendidikan%20Malaysia%202015-2025.pdf> pada 9/7/2018.

<sup>9</sup> Selain daripada itu, kriteria lain yang perlu dipenuhi bagi melayakkan sesuatu program itu dianggap berimpak tinggi ialah : jumlah penyertaan pelajar, penglibatan media, kos yang efektif, impak kepada masyarakat/universiti/pelajar, peringkat penganjuran- universiti/negeri/kebangsaan/antarabangsa

laman *Facebook* dan keterlibatan masyarakat awam menggunakan konsep ‘crowdsourcing’<sup>10</sup> dalam memulihara Sungai Langat. Fokus utama pada masa itu bermula dengan pemuliharaan Alur Ilmu berhadapan UKM, Bangi. Keterlibatan ini adalah sesuatu yang baru kerana inisiatif yang diperkenalkan oleh KSU adalah mesra masyarakat bagi penjagaan alam sekitar. Mesra masyarakat bermaksud, tiada jurang di antara sesiapa yang datang ke Alur Ilmu dengan misi menyelamatkan serta memulihara anak sungai tersebut. Alur Ilmu iaitu salah satu tributari (anak sungai) yang cuba dipulihara oleh pihak KeTTHA dengan kerjasama erat beberapa institusi termasuklah *Institute for Environmental and Development (LESTARI)*, UKM sebagai pemilik projek.

Setiap program yang dijalankan mendapat penglibatan pelajar yang ramai dengan barisan pimpinan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) yang berkerampilan serta mampu mengadakan program kolaborasi melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Kolej Melati juga sentiasa mengadakan program bersama-sama dengan rumah anak yatim angkat, Rumah Amal Siraman Kasih pada setiap semester. Selain itu, kolej telah mengadakan aktiviti kesukarelawan bergabung dengan Universitas Maret (UNS) di Solo, Indonesia. Setiap semester juga kolej ini mengadakan aktiviti menderma darah dengan penyertaan terbanyak. Kolej ini juga telah mendapat tempat kedua (naib juara) kejohanan sukan kolej (SUKOL) selama empat tahun berturut-turut. Kolej ini merupakan satu-satunya wakil yang menganjurkan program Dialog TN50 di UiTM tahun ini yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dan mendapat pujian oleh Dato’ Seri Hajah Nancy Shukry serta YB Khairy Jamaluddin. Selain itu, kolej ini juga telah menghasilkan beberapa buah buku hasilan daripada program berimpak tinggi tersebut, termasuklah dua travolegue kembara pengantarabangsaan yang telah didaftarkan no. ISBN dengan Perpustakaan Negara Malaysia.

MRR adalah program sukarelawan yang dianjurkan oleh JPK Kolej Melati sesi 2016/2017 dan diteruskan dengan JPK sesi 2017/2018 bersama-sama dengan FoLR iaitu sebuah inisiatif berimpak tinggi melibatkan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs). Konsep ‘crowdsourcing’ yang dimaksudkan ini telah diterjemahkan kepada penglibatan orang awam tanpa sebarang sekatan khususnya dalam aktiviti melestarikan keindahan sungai bermula dengan Sungai Langat.<sup>11</sup> Pada awal inisiatif FoLR ini diperkenalkan, KeTTHA telah menandatangani memorandum persefahaman bersama UKM dan melatik UKM sebagai pemilik projek pemuliharaan anak sungai Alur Ilmu. Kerjasama ini diteruskan dengan penglibatan pelbagai sektor termasuklah Melati Troopers (MLT) yang berperanan membekalkan sumber manusia yang ramai dalam pelbagai aktiviti di sana seperti gotong royong membersihkan kawasan, menanam pokok, menyusun batu-batuan sebagai tembok yang bertindak sebagai penapis air atau lebih dikenali sebagai *sabo*<sup>12</sup> dan menyertai program-program ramah mesra

<sup>10</sup> Konsep ini pada asalnya adalah konsep yang digunakan untuk menggambarkan suatu proses dalam mendapatkan pekerjaan ataupun pendanaan dari sekelompok orang dalam jumlah banyak secara atas talian. Konsep yang digunakan untuk menjalankan teknik ini adalah dengan tersedianya orang-orang dalam kelompok besar untuk melibatkan diri menghasilkan isi kandungan sesuatu perniagaan atas talian ataupun mengumpul dana secara atas talian. Lihat Howe, J. (2006). The rise of crowdsourcing. *Wired magazine*, 14(6), 1-4. Lihat juga Brabham, D. C. (2008). Crowdsourcing as a model for problem solving: An introduction and cases. *Convergence*, 14(1), 75-90.

<sup>11</sup> Penterjemahan konsep ‘crowdsourcing’ dalam aspek penglibatan memulihara Sungai Langat oleh pelbagai lapisan masyarakat telah dilakukan oleh YBhg. Dato’ Seri Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, KeTTHA pada ketika itu.

<sup>12</sup> MIZUYAMA, T. (2008). Structural countermeasures for debris flow disasters. *International Journal of Erosion Control Engineering*, 1(2), 38-43.

dan perbincangan santai di Alur Ilmu bersama KSU sendiri. Penglibatan UKM, UNITEN seterusnya UiTM melalui Kolej Melati bersama-sama dengan agensi-agensi lain merupakan suatu kolaborasi yang progresif dan berupaya membina satu jaringan kerjasama dalam aktiviti sukarelawan secara besar-besaran bukan sahaja di Alur Ilmu, malah di lain-lain tempat yang akan ditentukan oleh pihak KeTTHA mahupun di mana-mana sahaja yang difikirkan perlu dalam semangat kebersamaan atau tanggungjawab bersama dalam memulihara alam sekitar.

Program yang bertunjangankan kesukarelawanan dalam memelihara alam sekitar ini juga diadakan selaras dengan inisiatif Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan juga Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada ketika itu untuk memberi ruang yang luas kepada mahasiswa dalam usaha melibatkan diri dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. Selain itu, program ini juga dianjurkan untuk membentuk kemahiran kesukarelawanan, kepemimpinan dan melatih mahasiswa untuk berfikir secara kritis dan inovatif serta mampu menjana idea yang kreatif dan matang. Program ini juga selari dengan rangka kerja yang telah dibentuk oleh KSU KeTTHA dalam usaha memelihara Sungai Langat yang merupakan sumber utama air bagi penduduk di sekitar Lembah Klang. Inisiatif FoLR yang menggunakan pendekatan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* ini telah digerakkan dan diselaraskan oleh KeTTHA sebagai agensi peneraju utama dan dilaksanakan secara kolaborasi dan penyertaan oleh pelbagai pihak iaitu agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta, universiti dan komuniti. Selaras dengan prinsip NBOS iaitu kos yang rendah, berimpak tinggi dan pelaksanaan berterusan (*low cost, high impact and rapid execution*), kejayaan pelaksanaan projek ini bergantung kepada kerjasama semua pihak.

Keterlibatan UKM dan UNITEN turut mendorong Kolej Melati UiTM untuk turut serta dalam program ini selain teladan yang ditonjolkan oleh KSU sendiri. Selaras dengan prinsip NBOS, KSU KeTTHA telah memperkenalkan konsep *crowdsourcing* di mana projek ini terbuka kepada semua pihak yang berminat untuk turut serta menyumbang tenaga dan sebagainya bagi menyokong hasrat kementerian memulihara Sungai Langat bermula dengan pemuliharaan anak-anak sungai. KSU telah mensasarkan lima (5) aktiviti penting iaitu, (i) memperbaiki dan menambah baik anak sungai di Sungai Langat (sasaran 10 kawasan menjelang akhir tahun 2018), (ii) membangunkan landskap di sekitar kawasan anak-anak sungai seperti gazebo, tasik dan laluan), (iii) membina laluan berjalan kaki dan berbasikal sepanjang 50km di sepanjang Sungai Langat, (iv) mengadakan aktiviti awam dengan mengadakan pusat pendidikan seperti mewujudkan penyertaan awam yang inovatif untuk membersihkan atau mengekalkan dan memelihara tepi sungai, dan (v) menggunakan laluan dan menanam pokok dan bunga di sekitar anak sungai serta replikasi kepada semua anak sungai di Sungai Langat. Bagi menyokong kesemua hasrat kementerian tersebut, Kolej Melati telah secara sukarela melibatkan diri sebagai penyumbang tenaga dan juga berperanan dalam mengadakan program kesedaran di kalangan pelajar khususnya di Kolej Melati.

## **PENGLIBATAN KOLEJ KEDIAMAN MELATI DALAM INISIATIF FRIENDS OF LANGAT RIVER (FOLR)**

JPK Kolej Melati dengan kerjasama Bahagian HEP, pengetua, staf pengurusan dan juga barisan staf residen kolej telah bersepakat untuk sama-sama melibatkan diri dan menjadi sebahagian daripada FoLR walaupun pada dasarnya, kedudukan Kolej Melati, UiTM Shah Alam itu terletak jauh daripada anak sungai pertama dalam pelaksanaan projek bawah inisiatif FoLR iaitu di Alur Ilmu, UKM, Bangi. Namun, ia tidak menyekat hasrat murni menjalin kerjasama kerana objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk mendorong barisan JPK membina kolaborasi

bersama KeTTHA dan agensi-agensi lain bagi mencapai satu matlamat iaitu menjadi sebahagian daripada sukarelawan untuk memulihara Sungai Langat. Dorongan padu pihak atasan KeTTHA membuatkan para JPK membulatkan tekad untuk mempastikan bahawa kolaborasi yang terbentuk akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak termasuklah matlamat utamanya iaitu pemuliharaan alam sekitar itu sendiri di samping aspek pembangunan diri pelajar itu sendiri.

FoLR ini telah Berjaya menarik perhatian daripada pelbagai lapisan masyarakat dan agensi. Ia diurus oleh Bahagian Sektor Air, KeTTHA, FoLR ini disertai oleh Indah Water Konsortium (IWK), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Malaysian Water Association (MWA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pemilik Alur Ilmu yang dilantik oleh KeTTHA dan banyak lagi termasuklah penglibatan UiTM melalui mahasiswa Kolej Melati dengan pembentukan Melati Langat Troopers (MLT). MLT telah turut secara langsung bergotong-royong dan membuat sumbangan dalam pemuliharaan Alur Ilmu berkenaan. MLT ini telah dibentuk secara khusus untuk menyokong aspirasi kerajaan dalam melestari Sungai Langat yang menjadi sebahagian daripada sumber utama bekalan air di Lembah Klang. Alur Ilmu pula adalah salah satu daripada beberapa tributari (anak sungai Sugai Langat) yang cuba dipelihara. Anak-anak sungai inilah yang cuba dibentuk sebagai ‘penapis’ air semulajadi sebelum ia mengalir ke sungai utama iaitu Sungai Langat. Justeru, Kolej Melati telah menu buhkan satu pasukan sukarelawan Melati Troopers (MLT) sebagai tanda kesungguhan dalam kerjasama yang pertama kalinya ini. Kini, MLT dan FoLR sedang membentuk satu kerjasama untuk mengumpul pakar-pakar akademik dari UiTM bagi memenuhi aspirasi KSU dalam rangka mengadakan pusat pendidikan seperti mewujudkan penyertaan awam yang inovatif untuk membersihkan atau mengekalkan dan memelihara tepi sungai.

Setakat ini, pasukan sukarelawan FoLR telah menjalankan tiga daripada lima aktiviti yang disasarkan oleh KSU. Sehubungan itu, pasukan sukarelawan Melati mengambil inisiatif melakukan aktiviti yang keempat dan kelima dengan kerjasama FoLR dan KeTTHA. Program ini juga merupakan program yang berkesinambungan dan berjangka masa panjang di mana akan diadakan pada setiap semester melibatkan para mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan. Sebagai rekod, sehingga 6 November 2017, beberapa pelajar Kolej Melati telah menyertai program FoLR ini secara tidak rasmi sebanyak tiga kali. Pihak KeTTHA melalui interaksi tidak rasmi juga mengalu-alukan penyertaan mahasiswa UiTM khususnya Kolej Melati untuk terlibat dalam program FoLR tersebut.

Kemudiannya, kerjasama fasa pertama secara rasmi telah dimulakan dengan kunjungan hormat yang telah diadakan oleh pihak Kolej Melati melibatkan pengetua, penasihat, SRK dan JPK ke pejabat KSU KeTTHA di Putrajaya bagi membincangkan pelan penglibatan pelajar Kolej Melati bersama inisiatif FoLR dan lain-lain inisiatif di bawah seliaan KeTTHA pada ketika itu. Kunjungan Hormat ke Pejabat KSU ini telah diadakan pada 9 November 2017. Bagi fasa kedua kerjasama tersebut, JPK Melati telah menganjurkan program yang julung-julung kali diadakan iaitu Majlis Pelancaran Melati Troopers (MLT) dan *Sustainability Talk* oleh YBhg. Dato’ Seri sendiri pada 17 April 2018 di Dewan Platinum Kolej Melati. Kolej ini telah menu buhkan satu pasukan kesukarelawan yang dikenali dengan nama Melati Troopers (MLT) yang secara perancangannya dianggotai oleh 1500 orang sukarelawan. Pasukan MLT ini juga telah dilancarkan oleh KSU sendiri. Dalam ceramah beliau, KSU ada menekankan tentang peranan setiap individu termasuklah para mahasiswa Kolej Melati untuk cakna dan bertindak segera dalam menjaga dan memulihara alam sekitar. Hal ini termasuklah sekecil-kecil perkara seperti penjimatan air sewaktu mandi, tabiat menutup suis elektrik apabila tidak digunakan, menggunakan botol air yang boleh dipakai berulangkali, peka dengan keadaan persekitaran

yang semakin terancam, pelepasan karbon, dan lain-lain isu semasa berkaitan keperluan peranan individu dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar.

Penglibatan pelajar tidak terhenti kepada Kunjungan Hormat ke Pejabat Ketua Setiausaha KeTTHA, tetapi juga turut menghadiri Mesyuarat Pembentangan Laporan Program 2017 di Bawah Sektor Air KeTTHA yang juga menyebut tentang penglibatan daripada MLT, Kolej Melati, UiTM sebagai memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif FoLR. Beberapa siri gotong-royong telah dihadiri oleh MLT yang diadakan di Alur Ilmu. Selain aktiviti turun padang seperti gotong-royong menanam pokok dan membersihkan persekitaran Alur Ilmu bersama-sama dengan rakan-rakan FoLR, MLT juga berjaya mengumpulkan dana bertemakan ‘Singgit untuk Sungai Langat’ dalam Program *Talk: Fight for Nature* yang diadakan pada 2 Mei 2018. Kolej Melati telah menyerahkan sumbangan sebanyak RM1105.00 kepada Setiausaha Bahagian (SUB) Sektor Air, KeTTHA untuk digunakan bagi pembelian kerusi batu yang juga telah diletakkan di Alur Ilmu.

Program berbentuk kolaborasi dalam aktiviti sukarelawan dan sumbangan berbentuk kewangan ini merupakan satu bentuk pelaksanaan berasaskan konsep ‘tanggungjawab bersama’<sup>13</sup> bagi memelihara dan memulihara alam sekitar. Ia pastinya berimpak tinggi selaras dengan Pelan Pendidikan Tinggi Negara 2015-2025 iaitu ‘menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif, dan berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan’<sup>14</sup>. Gunapakai konsep ‘crowdsourcing’ juga berjaya menampakkan hasil apabila pelbagai lapisan masyarakat turun ke Alur Ilmu bagi menyumbang bakti secara sukarela di samping memberikan sumbangan berbentuk makanan dan minuman, wang dan tenaga dalam setiap aktiviti yang dianjurkan. Hal ini adalah selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Orang-orang yang berjuang untuk (mencari keredhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan jalan-jalan Kami kepada mereka. Sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang bebuat baik”. –al-Ankabut 73:8.*

## **KERJASAMA BERSAMA FOLR MEMBAWA KEPADA KERJASAMA MEMBANGUN OFF RIVER STORAGE KAMPUNG BESTARI JAYA, SELANGOR**

Penglibatan bersama pelbagai agensi terutamanya dengan pihak kerajaan persekutuan merupakan aspek penting dalam membentuk sifat kepimpinan pelajar terutamanya dalam aspek komunikasi, penampilan diri, hormat menghormati dan sifat profesionalisme yang menjadi perkara penting dalam persediaan memulakan tugas di pelbagai sektor kerajaan, swasta mahupun bekerja sendiri dalam bidang keusahawanan. selain daripada itu, inisiatif ini dilihat sebagai menjimatkan kos kerajaan dalam pemuliharaan alam sekitar dan kos universiti dalam pelaksanaan program di peringkat mahasiswa. hal ini kerana inisiatif ini telah membuka ruang untuk para peserta menonjolkan sifat dermawan dan ‘sukarelawan’ dalam menghulurkan

<sup>13</sup> Dan-Cohen, M. (1992). Responsibility and the Boundaries of the Self. *Harvard Law Review*, 959-1003. Lihat juga Gilbert, M. (2002). Collective guilt and collective guilt feelings. *The Journal of Ethics*, 6(2), 115-143. Lihat juga Smiley, M. (2008). Collective Responsibility. *Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Diakses daripada <https://stanford.library.sydney.edu.au/archives/spr2008/entries/collective-responsibility/>, diakses pada 9/7/2018 jam 1.27 p.m.

<sup>14</sup> Malaysia, K. P. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses dari <http://www.pmjb.edu.my/pmjbv2/images/pdf/Pelan%20Pembangunan%20Pendidikan%20Malaysia%202015-2025.pdf> pada 9/7/2018.

sumbangan bagi apa jua program yang dianjurkan. selain itu, kaedah ini juga mampu mendidik para mahasiswa untuk memainkan peranan (RM1 setiap orang) dalam memulihara dan melestari sungai langat, seterusnya melestari sumber alam yang seandainya diabaikan boleh menjelaskan sumber kehidupan dan keperluan segenap lapisan masyarakat.

hasil daripada kerjasama yang erat bersama folr dan dedikasi yang ditunjukkan oleh warga Kolej Melati, pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah memberi penghormatan kepada UiTM menerusi Bahagian HEP dan Kolej Melati dengan menjemput penasihat MLT bagi keterlibatan sama dalam pembangunan projek *Off River Storage (ORS)* Kampung Hang Tuah, di Bestari Jaya, Selangor. Penulis-penulis berpandangan bahawa jemputan untuk satu kerjasama yang erat yang dibuat oleh pihak LUAS adalah berdasarkan kepada komitmen yang telah ditunjukkan oleh pihak Kolej Melati dalam menyokong aspirasi KeTTHA dalam memulihara anak Sungai Langat.

ORS Kampung Hang Tuah adalah kolam takungan hiliran yang berada di Bestari Jaya Daerah Kuala Selangor. Kawasan ini telah diwartakan pada tahun 2013 P (w1599) sebagai Zon Perlindungan Sumber Air Alternatif di bawah Seksyen 48 Enakmen LUAS 1999. ORS ini telah mendapat johan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor 2017 dalam kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan) dan Projek Inovasi Primer Terbaik. Inovasi ini telah menjadi rujukan daripada pelbagai pihak dalam dan luar negara. Salah satu objektif utama projek ORS ini ialah '*melibatkan kerjasama Antara sekolah, institusi pengajian tinggi, komuniti, sektor awam dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) yang memainkan peranan penting dalam usaha untuk melestarikan kualiti dan kuantiti sumber air.*' Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS sendiri dapat dirumuskan seperti berikut:

- I. Projek ORS ini dikawalselia oleh LUAS dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta. LUAS mengajak keterlibatan semua pihak untuk menjalankan program aktiviti bersama-sama seperti gotong-royong membersihkan kawasan dan menanam pokok selain peluang mengadakan penyelidikan tanpa apa-apa bayaran. Ini adalah peluang baik kepada semua pihak termasuklah pasukan MLT untuk bergiat dalam aktiviti sukarelawan selain berpeluang meletakkan tanda penglibatan sebagai kenang-kenangan atau bagi menambah citra institusi masing-masing. Turut dimaklumkan bahawa pokok-pokok akan disediakan secara percuma bagi tujuan penanaman di sekitar ORS Kampung Hang Tuah. Hal ini bukan sahaja membuka jalan yang mudah untuk aktiviti sukarelawan tetapi juga boleh menjimatkan kos institusi yang melibatkan diri. Pengerusi mesyuarat juga mengalu-alukan pihak MLT khususnya dan juga UiTM amnya dalam kerjasama ini.
- II. Politeknik Sultan Idris Shah sebagai salah satu rakan strategik LUAS bagi program ini akan menganjurkan pertandingan membuat kerusi batu di ORS Kampung Hang Tuah pada 14 Julai 2018. Pertandingan ini dibuka kepada semua pihak dan modal akan disediakan oleh pihak penganjur. Ini juga boleh menjadi peluang kepada MLT untuk bekerjasama dengan pelajar-pelajar Kejuruteraan Awam menyertai pertandingan ini.
- III. Penghulu Kampung Bestari Jaya juga hadir menyampaikan hasrat kepada mesyuarat supaya orang kampung tidak ketinggalan dalam dalam apa jua program yang dianjurkan selain mendapat manfaat daripada hasil projek pembangunan di ORS Kampung Hang Tuah. Hal ini sekaligus menampakkan manfaat yang bakal diperolehi oleh masyarakat sekitar dan semua yang melibatkan diri.
- IV. Persatuan Kanu Negeri Selangor juga dijemput membentang kertas konsep bagi melaksanakan aktiviti sukan air di ORS Kampung Hang Tuah Bestari Jaya untuk *International Outdoor Sport Centre (IOSC)*.

Penulis-penulis juga berpandangan bahawa, kesinambungan seperti ini adalah sebahagian daripada kriteria impak tinggi kepada pembangunan pelajar. Hal ini kerana sesuatu usaha yang berterusan adalah satu contoh yang baik dalam mencapai sesuatu cita-cita atau kecemerlangan diri individu atau organisasi. Hal ini juga dapat membantu perkembangan proses penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.<sup>15</sup> Kesinambungan daripada kerjasama erat bersama FoLR, MLT terus melangkah ke hadapan dalam menjalin kerjasama bersama Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS dan ini menggambarkan satu kebolehan dan kemahiran kognitif dan afektif yang berimpak tinggi sesuai dengan impian membentuk negara perindustrian berdasarkan pengetahuan.<sup>16</sup> Kesinambungan ini juga adalah anugerah daripada Allah SWT yang melihat kesungguhan dan keikhlasan warga Kolej Melati dalam memulihara alamNya, seperti firmanNya yang bermaksud:

*“Dan kebaikan apa saja yang kamu perbuat untuk dirimu nescaya kamu beroleh balasannya di sisi Allah sebagai balasan yang paling baik dan paling besar pahalanya”.*  
– al-Muzzammil 73:20.

## **MEMBENTUK SIFAT KEPIMPINAN DENGAN MENCONTOHI TOKOH-TOKOH YANG BERWIBAWA**

Perlu ditekankan di sini bahawa alam sekitar merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia yang perlu dipelihara dan dipulihara. keterlibatan barisan kepimpinan tertinggi agensi kerajaan dan swasta dalam melestari alam sekitar tanpa ada birokrasi yang biasanya membentuk jurang yang besar di antara kerajaan dan masyarakat awam termasuklah mahasiswa di universiti memberi kesan kepada jiwa pelajar-pelajar itu sendiri. impaknya amat besar kepada keyakinan para pelajar tentang akhlak dan budi serta profesionalisma dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti yang berbentuk kesukarelawanan.

Hasil daripada pemerhatian dan temubual yang dibuat bersama para pelajar, kepimpinan melalui teladan yang ditonjolkan oleh KSU dan barisan kepimpinan yang lain mendorong mereka untuk lebih bersungguh-sungguh dalam melestari alam sekitar. Mereka cukup terkesan dengan teladan yang dipamerkan dan menjadikan program-program di Alur Ilmu sebagai kenangan yang terindah kerana dapat menanam pokok, membersihkan kawasan, berinteraksi dan bersua muka dengan pimpinan kerajaan dalam keadaan yang harmoni dan cukup santai. Inilah contoh kepimpinan melalui teladan yang dianggap berkesan dalam membentuk akhlak dan jiwa generasi muda dalam memberi sumbangan tenaga bagi

---

<sup>15</sup> Hishomudin Ahmad et. Al (29 February 2016), Kemahiran Insaniah Dan Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah Menengah Dan Universiti Awam. Diakses dari [https://www.researchgate.net/profile/Hishomudin\\_Ahmad/publication/296282651\\_KEMAHIRAN\\_INSANIAH\\_DAN\\_AKTIVITI KO-KURIKULUM DI SEKOLAH MENENGAH DAN UNIVERSITI AWAM/links/56d3fb5a08ae85c8234d10f9.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Hishomudin_Ahmad/publication/296282651_KEMAHIRAN_INSANIAH_DAN_AKTIVITI KO-KURIKULUM DI SEKOLAH MENENGAH DAN UNIVERSITI AWAM/links/56d3fb5a08ae85c8234d10f9.pdf). Diakses pada 9/7/2018 jam 10.30 p.m.

<sup>16</sup> Pua, P. K. (2014). *Tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan tahun akhir di Politeknik KPM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia): “Untuk mencapai impian negara sebuah negara perindustrian berdasarkan pengetahuan, maka setiap individu perlulah meningkatkan kebolehan kognitif dan kemahiran generik yang lain. Justeru itu, institusi pendidikan harus memainkan peranan dengan menitikberatkan tentang kepentingan kemahiran insaniah sebagai penyumbang yang kritikal dalam menjana modal insan yang menyeluruh di samping mampu membawa persaingan di peringkat global bagi menangani isu kualiti produk IPT.”

kepentingan masyarakat dan alam sekitar.<sup>17</sup> Konsep ‘tanggungjawab bersama’<sup>18</sup> yang dipelopori oleh KSU ini amatlah dibanggakan kerana ia berjaya dicontohi oleh segenap lapisan masyarakat termasuk barisan kepimpinan pelajar kolej kediaman Melati itu sendiri.

Program sukarelawan seperti ini bukan sahaja dapat membentuk sifat-sifat kepimpinan, tetapi juga menjadikan pelajar sebagai komunikator yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi ‘merentas budaya’<sup>19</sup>; bertanggungjawab, berdaya saing, cekal dan yakin.<sup>20</sup>

## BIMBINGAN BERTERUSAN KEPADA PELAJAR: PERANAN PENGETUA, BARISAN PENGURUSAN DAN STAF RESIDEN KOLEJ

Pengetua memainkan peranan yang amat signifikan dalam menjayakan program mrr ini dan bertanggungjawab dalam memastikan bahawa kolej kediaman diurus dan diselia dengan baik oleh barisan staf pengurusan dengan kerjasama yang erat oleh bahagian hal ehwal pelajar.<sup>21</sup> selain daripada itu, pengetua juga berperanan dalam menentukan halatuju yang jelas dan dikongsi bersama dengan barisan staf pengurusan, srk, jpk dan juga seluruh penghuni sesuatu kolej kediaman. peranan yang amat penting bagi seorang pengetua ialah untuk memastikan bahawa setiap aktiviti atau program yang dianjurkan di peringkat kolej memberi impak yang tinggi kepada para pelajar agar mereka beroleh pelbagai skil yang perlu apabila mereka bergraduat dari universiti.<sup>22</sup> pengetua kolej melati telah memainkan peranan yang unggul dalam membimbing warga kolej agar hasrat uitm menghasilkan graduan yang berkualiti tercapai. salah satu contoh peranan penting sebagai pengetua ialah menjaga perhubungan sesama warga kolej agar setiap warganya berasa selesa untuk menyuarakan pandangan, kritikan, serta bekerjasama dalam setiap aktiviti yang dijalankan di kolej melati.

Program melati river rescuer (mrr) telah mendapat sokongan dan dorongan yang padu daripada pihak pengetua itu sendiri. sikap ambil tahu pengetua dalam setiap gerakerja dan apa

<sup>17</sup> bin Yang, Z. (2003). Nilai, etika dan budaya kerja dalam pentadbiran sektor awam di Malaysia dari perspektif Islam (satu imbasan kembali tinjauan karya). *Jurnal Pengurusan Awam*. Jilid 2, Bilangan 1, Januari 2003. Lihat juga Aman, I. (2004). Bahasa dan Kepimpinan: Pengkhalaikan Wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (Language and Leadership: Audienization of the Prime Minister Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad's Discourse). *Akademika*, 65(1).

<sup>18</sup> Dan-Cohen, M. (1992). Responsibility and the Boundaries of the Self. *Harvard Law Review*, 959-1003. Lihat juga Gilbert, M. (2002). Collective guilt and collective guilt feelings. *The Journal of Ethics*, 6(2), 115-143. Lihat juga Smiley, M. (2008). Collective Responsibility. *Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Diakses daripada <https://stanford.library.sydney.edu.au/archives/spr2008/entries/collective-responsibility/>, diakses pada 9/7/2018 jam 1.27 p.m.

<sup>19</sup> ataupun merentasi jurang birokrasi yang selalunya menjadi kekangan kepada pelajar terutamanya melibatkan pegawai-pegawai atas jabatan kerajaan mahupun swasta.

<sup>20</sup> Malaysia, K. P. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses dari <http://www.pmjv.edu.my/pmjv2/images/pdf/Pelan%20Pembangunan%20Pendidikan%20Malaysia%202015-2025.pdf> pada 9/7/2018.

<sup>21</sup> Anuar, M., Darus, F. M., & Yahya, S. Y. S. (2006). Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Univesiti Teknologi MARA, Shah Alam. Diakses dari [http://eprints.utm.my/id/eprint/495/1/MazuraAnuar2006\\_Memperkasakanmodalinsanperanandan.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/495/1/MazuraAnuar2006_Memperkasakanmodalinsanperanandan.pdf). Diakses pada 9/7/2018 jam 3.45 p.m.

<sup>22</sup> bin Buntat, Y. Kemahiran “Employability”(Soft Skills) dan Kepentingan Penerapannya di Kolej-kolej Kediaman Pelajar diakses dari

jua isu yang timbul mendorong setiap warga kolej melati untuk sentiasa melakukan segala tugas dengan baik serta sentiasa berusaha memperbaiki apa jua kesilapan yang dilakukan tanpa ada sedikitpun rasa putus asa. sikap yang demokratik seorang pengetua terbukti berupaya membina suasana kerja yang harmoni di kalangan staf mahupun pelajar di kolej kediaman.<sup>23</sup> Dengan kepuasan staf pengurusan serta barisan SRK terhadap kepimpinan pengetua, hal-hal berkaitan program-program pelajar juga menjadi mudah apabila semua memberikan sokongan yang padu dalam pelaksanaan program.

Barisan staf pengurusan turut memainkan peranan yang signifikan dalam membantu para JPK memastikan kelancaran program terutamanya program MMR yang melibatkan individu kehormat dalam pelaksanaan program. Aspek dokumentasi berbentuk kertas kerja, surat-menurut, pematuhan kepada peraturan menjadi sebahagian daripada perkara penting dalam pelaksanaan program berimpak tinggi ini. Penglibatan staf pengurusan Kolej Melati juga jelas penting terutama sekali dalam merekodkan segala data berkenaan program-program termasuklah maklumat-maklumat terperinci para tetamu yang hadir ke Kolej Melati agar aspek protokol dipatuhi di samping menjaga citra atau nama baik UiTM. Program MRR mendapat kerjasama yang tiada galang gantinya daripada barisan staf pengurusan samada di pejabat mahupun yang bertugas menguruskan kelengkapan teknikal di Dewan Platinum sewaktu Majlis Pelancaran Melati Troopers yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Zaini Ujang. Sokongan yang padu daripada barisan pengurusan Kolej Melati mendorong para JPK mendapatkan khidmat yang terbaik dalam penyempurnaan tugas sebagai barisan kepimpinan pelajar yang perlukan bimbingan yang berterusan.<sup>24</sup>

Selain daripada pengetua dan barisan staf pengurusan, Staf Residen Kolej (SRK) terutamanya SRK yang dilantik sebagai penasihat program kesukarelawanan MRR memainkan peranan penting dalam memberi nasihat, teguran, serta penglibatan bersama sepanjang program MRR berlangsung. Tidak dapat dinafikan bahawa tugas sebagai SRK merangkap penasihat MRR adalah satu tugas yang mencabar kerana peranan tersebut digalas bersama-sama dengan tugas hakiki di fakulti atau jabatan. Bagi SRK yang tidak menjadi penasihat pula, peranan mereka tidak kurang pentingnya apabila mereka turut menyumbang masa dan tenaga menjadi pegawai pengiring ke beberapa aktiviti gotong-royong di Alur Ilmu. Sikap kebersamaan sesama SRK ini juga amat perlu dalam memastikan keberkesanan program pelajar berimpak tinggi. Hal ini selaras dengan konsep tanggungjawab bersama atau lebih dikenali sebagai '*collective responsibility*' yang disebutkan sebelum ini. Selain sikap kebersamaan yang diterapkan oleh pengetua kepada semua warga Kolej Melati, elemen keberkatan juga sentiasa

---

[https://www.researchgate.net/profile/Yahya\\_Buntat/publication/41057946\\_Kemahiran\\_employability\\_soft\\_skills\\_dan\\_kepentingan\\_penerapannya\\_di\\_kolej-kolej\\_kediaman\\_pelajar/links/56d1107708ae4d8d64a39986/Kemahiran-employability-soft-skills-dan-kepentingan-penerapannya-di-kolej-kolej-kediaman-pelajar.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Yahya_Buntat/publication/41057946_Kemahiran_employability_soft_skills_dan_kepentingan_penerapannya_di_kolej-kolej_kediaman_pelajar/links/56d1107708ae4d8d64a39986/Kemahiran-employability-soft-skills-dan-kepentingan-penerapannya-di-kolej-kolej-kediaman-pelajar.pdf) pada 9/7/2018 jam 3.13 p.m.

<sup>23</sup> Ab Rahman, Z., & Rapihi, Q. A. (2017). HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN KEPUASAN KERJA KAKITANGAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA. *Al-Hikmah*, 9(1), 25-32.

<sup>24</sup> Anuar, M., Darus, F. M., & Yahya, S. Y. S. (2006). Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Univesiti Teknologi MARA, Shah Alam. *Lihat juga* Mohd Tahir, L., Mohd Yusof, S., & Mohd Nawi, S. (2011). Peranan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Dalam Mempertingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar. *Universiti Teknologi Malaysia*, 1-10. *Lihat juga* Mohd Nawi, S., & Lokman, M. T. (2008). *Penilaian Terhadap Peranan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Dalam Mempertingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar: Tinjauan Di Lima Buah Kolej Kediaman Di Universiti Teknologi Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

ditekankan agar apa juga urusan yang dilaksanakan samada di peringkat pelajar mahupun staf dapat disempurnakan dengan bersungguh-sungguh dan dengan sebaiknya-baiknya. Perkara ini seiring dengan Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan kebajikan apa pun yang kamu kerjakan maka sesungguhnya Allah Mengetahuinya”. - al-Baqarah 2:215.*

*“Berlumba-lumbalah kamu sekalian (dalam berbuat) kebajikan” – al-Baqarah 2:148.*

*“Barangsiaapa yang berbuat kebaikan walaupun hanya sebesar zarah nescaya dia akan melihat balasannya”. –Al-Zalzalah 99:7.*

SRK yang ikhlas memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk khususnya kepada para JPK dapat memastikan setiap aktiviti dalam program MRR dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Justeru, dalam memastikan bahawa sesuatu program berimpak tinggi dapat dilaksanakan, SRK memainkan peranan yang cukup signifikan.<sup>25</sup>

## CABARAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Pendedahan awal dalam usaha menjimatkan kos bukan sahaja penting dalam pembangunan sesebuah negara malah turut menjadi asas dalam pembinaan diri mahasiswa sebagai nilai tambah dalam kehidupan sebagai seorang individu, pemimpin keluarga malahan sebagai ahli masyarakat yang sedar tentang pembangunan negara dengan lebih kos efektif. Oleh kerana itu, JPK Melati cuba merebut peluang yang ada bagi melatih diri mereka tentang penjimatkan kos, kolaborasi dan sebagainya. Justeru, kerjasama-kerjasama yang telah terjalin dengan agensi luar telah dimulakan dengan penuh keberanian dan kesungguhan. Namun, cabaran tetap wujud bagi kesinambungan program seperti ini.

Salah satu cabaran yang biasa dihadapi ialah kekangan masa yang dihadapi oleh para pelajar bagi meneruskan aktiviti-aktiviti bersama jaringan yang telah terbentuk. Tidak dapat dinafikan, kesungguhan pelajar kadang melentur dalam masa mereka mempersiapkan diri menjadi seorang graduan universiti yang berkehendakkan mereka mencapai keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik.

Oleh kerana itu, adalah perlu bagi setiap pengetua dan para staf residen kolej untuk merancang strategi berkesan bagi mengekalkan jaringan yang telah terbentuk untuk memastikan kesinambungan kerjasama agar apa yang telah dimulakan dapat dilaksanakan secara berterusan walaupun JPK telah bertukar pada setiap tahun. Adalah merugikan seandainya jaringan yang telah dibina terputus di pertengahan jalan hanya kerana kegagalan pihak kolej kediaman menguruskan aspek kolaborasi ini dengan baik.

Pihak Kolej Melati juga sedang menyelidiki kepakaran yang boleh menyumbang kepada penambahbaikan landskap di sekitar Sungai Langat. Ini termasuklah sumbangan idea berbentuk pelan landskap dan pengurusan taman yang disediakan oleh salah seorang arkitek UiTM dan juga pensyarah Pengurusan Taman dan Ameniti dari Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur. Selain itu, Kolej Melati juga telah membentuk tema sukarelawan berbentuk ilmiah (akademik) dengan menjalankan kaji selidik dalam kalangan mahasiswa, pelajar sekolah dan komuniti

<sup>25</sup> Nor, M., & Hanom, F. (2005). *Pembangunan Pelajar Di Kolej Kediaman: Persepsi Dan Faktor Penglibatan* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia). Lihat juga Anuar, M., Darus, F. M., & Yahya, S. Y. S. (2006). Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Univesiti Teknologi MARA, Shah Alam. Diakses dari [http://eprints.utm.my/id/eprint/495/1/MazuraAnuar2006\\_Memperkasakanmodalinsanperanandan.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/495/1/MazuraAnuar2006_Memperkasakanmodalinsanperanandan.pdf). Diakses pada 9/7/2018 jam 11.10 p.m.

setempat. Analisa dan dapatan kajian tersebut menjurus kepada tahap kefahaman komuniti mengenai tahap kesedaran orang ramai terhadap kepentingan Sungai Langat dalam membekalkan air mentah kepada penduduk sekitar Lembah Klang serta kesedaran mereka untuk menjaga dan memelihara sungai tersebut.

## PENUTUP

Program sukarelawan MRR melibatkan kerjasama MLT dan FoLR serta pasukan ORS Kampung Hang Tuah ini perlu diteruskan dengan perancangan dan pengurusan yang lebih mantap. Hal ini kerana Kolej Melati bukan sahaja membawa namanya tetapi juga UiTM sebagai sebuah institusi kesayangan anak bangsa. Sokongan penuh daripada Bahagian HEP sentiasa diharap agar berpadu dengan cita-cita dan usaha warga kolej-kolej kediaman agar kecenderungan pelajar dapat digarap dengan lebih optimum dan menjadikan mereka lebih berdaya saing. Selain daripada itu, para SRK juga perlu disediakan dengan ilmu pengetahuan serta latihan yang cukup berkenaan kaedah menguruskan para pelajar terutamanya apabila kecenderungan pelajar mula mengendur.

Tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian akademik menjadi suatu wadah untuk masa depan para pelajar. Namun begitu, dunia yang serba mencabar ini memerlukan pelajar untuk lebih faham dalam pelbagai bidang keilmuan, terutamanya kebergantungan kepada diri sendiri untuk sebuah survival kehidupan. Perkara ini dapat dicapai melalui usaha kolej-kolej kediaman menjana projek-projek yang mampu menggilap potensi diri pelajar dan dapat menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

Justeru, diharap agar kolaborasi antara Kolej Melati, UiTM Shah Alam dengan KeTTHA, FoLR dan pasukan pembangunan projek ORS Kampung Hang Tuah yang baru dibina ini berterusan pada masa-masa akan datang. Hal ini kerana, kesinambungan yang berimpak tinggi ini juga dapat memberi kesan yang baik kepada pelbagai pihak dan membentuk jati diri dalam diri mahasiswa yang melibatkan diri. Selain daripada itu, penulis-penulis juga mengalu-alukan keterlibatan lebih ramai lagi dalam program kesukarelawanan bawah inisiatif FoLR dan juga ORS demi kelestarian alam sekitar.

## RUJUKAN

- Bin Buntat, Y. (2004). Kemahiran “employability”(soft skills) dan kepentingan penerapannya di kolej-kolej kediaman pelajar.
- Mesir, B., Yatim, J. M., Aziz, A. A., Jamal, M. H., & Abideen, M. Z. (2006). Gaya Hidup Pelajar Cemerlang dalam Persekuturan Kampus. In *National Student Development Conference (NASDEC) 2006* (pp. 1-8).
- Mohd Nawi, S., & Lokman, M. T. (2008). *Penilaian Terhadap Peranan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman Dalam Mempertingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar: Tinjauan Di Lima Buah Kolej Kediaman Di Universiti Teknologi Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Jaladin, R. A. M., & Amit, N. H. Halatuju Perkembangan Pembangunan Pelajar di Kolej Kediaman: Satu Perkongsian.
- Nor, M., & Hanom, F. (2005). *Pembangunan Pelajar Di Kolej Kediaman: Persepsi Dan Faktor Penglibatan* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia). <http://merr.utm.my/id/eprint/9620>

- Anuar, M., Darus, F. M., & Yahya, S. Y. S. (2006). Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Univesiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Muhamad Darus, F. (2008). Peranan kepimpinan mahasiswa di kolej kediaman dalam memperkasa kemahiran insaniah (soft skills). *Esteem Academic Journal*, 4(2), 199-207.
- Buyung, M. R. B., & Shafii, H. B. Kualiti Hidup Dalam Pembangunan Kolej Kediaman Lestari: Satu Tinjauan Literatur.
- Salim, H., & Lokman, M. T. (2002). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Mahasiswa Dalam Program Pembangunan Di Kolej-kolej Kediaman Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Aziz, A. A., Yatim, J. M., & Mesir, B. (2006). Kajian Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar Melalui Program Kecemerlangan. *Fakulti Kejuruteraan Awam. UTM. Malaysia*.
- Bahari, K. A., Othman, H. Z., Abdullah, C. A. C., & Khairani, M. Z. JHEPA: Ke Arah Pembangunan Modal Insan.
- Malaysia, K. P. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). *Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia*.